

Berita UniMAP

MURoC AKAN DIJADIKAN ACARA TAHUNAN

Kangar – Pertandingan Robot Universiti-Universiti Malaysia (MURoC) 2010 anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bakal dijadikan acara tahunan dengan sasaran lebih banyak penyertaan dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di masa akan datang.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, MURoC merupakan medan terbaik untuk menguji kreativiti pelajar mencipta robot-robot mengikut acara yang dipertandingkan sebagai persediaan sebelum menghadapi pertandingan tahunan Robot Contest (Robocon).

"Meskipun acara yang dipertandingkan dalam kedua-dua pertandingan adalah berbeza, namun saya percaya, MURoC dapat membantu peserta untuk mengkaji kelemahan dan kekurangan hasil rekaan masing-masing serta mempelajari teknik penciptaan yang lebih baik," katanya.

Beliau berkata, pertandingan MURoC juga merupakan satu strategi untuk melahirkan saintis dan jurutera yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

"Pertandingan ini adalah untuk menguji kebijaksanaan dan kreativiti peserta dalam menyelesaikan masalah tanpa memberi tumpuan hanya kepada bidang akademik memandangkan kreativiti yang ada dalam diri penuntut merupakan nilai tambah untuk mereka diterima bekerja di syarikat-syarikat multinasional," katanya lagi.



Sebanyak 170 penuntut yang mewakili 21 pasukan dari tujuh IPTA menyertai pertandingan tersebut membabitkan tiga acara iaitu Paintball Robot, Rope Climbing Robot dan Fire Fighting Robot.

Universiti Putra Malaysia (UPM) mengungguli dua acara yang dipertandingkan iaitu Paintball Robot dan Rope Climbing Robot manakala acara Fire Fighting Robot dimenangi oleh pasukan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Pemenang membawa pulang hadiah wang tunai RM1,500 beserta piala iringan.